

07 APR 2002

Mahathir-Bush

DR MAHATHIR AKAN KEMUKA MASALAH PALESTIN KEPADA BUSH

LANGKAWI, 7 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau akan mengemukakan masalah Palestin pada pertemuannya dengan Presiden Amerika Syarikat George W Bush di Washington bulan depan.

Katanya perkara itu akan dibangkitkan kerana beliau telah berjanji kepada wakil Palestin bagi menjelaskan mengenai penindasan yang dilakukan Israel terhadap rakyat negara itu.

"Saya telah berjanji kepada wakil Palestin untuk membawa masalah mereka kepada Bush," kata Dr Mahathir selepas melawat perkampungan kristal milik LangkawiiCrystal, pengeluar utama barangan kristal di negara ini, di Pulau Rebak di sini, hari ini.

Beliau mengakhiri lawatan tiga hari ke Langkawi hari ini selepas menghadiri pelbagai majlis bersama penduduk serta melawat beberapa projek pembangunan di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan agensi berita Reuters pada Rabu bahawa Presiden Amerika Syarikat itu telah menjemput Dr Mahathir melawat Washington pada 12 hingga 14 Mei ini.

Laporan agensi itu memetik sumber diplomatik sebagai berkata bahawa lawatan ke Rumah Putih adalah yang pertama bagi Dr Mahathir sejak 1994 apabila Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan bekas presiden, Bill Clinton.

Reuters juga melihat lawatan itu sebagai langkah pertama dalam mengukuhkan hubungan dua hala kedua-dua negara selain pengiktirafan Washington terhadap Dr Mahathir sebagai pemimpin negara Islam sederhana.

Selain isu Palestin, Dr Mahathir berkata pertemuan itu juga memberi peluang kepadanya untuk menjelaskan pendirian Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam usaha memerangi keganasan.

Beliau berkata jemputan itu merupakan peluang baik bagi beliau menjelaskan pendirian negara ini mengenai pelbagai perkara.

"Baguslah kalau dia dah jemput, saya akan beri pendapat pelbagai perkara kepada Bush," katanya.

Mengenai Palestin, Dr Mahathir berkata masyarakat antarabangsa telah berusaha mendesak Israel menghentikan serangan terhadap penduduk Palestin.

"Tetapi nampaknya Israel degil dan sombong sampai wakil Eropah, dia tak mau terima," katanya.

Ditanya berhubung tindakan Malaysia membantu Palestin, Dr Mahathir berkata: "Kita hanya boleh desak sahaja, nak pi perang tak boleh".

Pagi ini, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan 18 pegawai kanan anggota Kongres Amerika Syarikat di Berjaya Beach And Spa Resort di Teluk Burau di sini.

Pertemuan itu adalah anjuran Persatuan Pertukaran Amerika-Malaysia. Turut hadir ialah presiden persatuan itu, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak mengulas lanjut hasil pertemuan itu tetapi berkata ia memberi peluang kepada Malaysia untuk menerangkan lebih terperinci pendirian negara dalam beberapa isu.

Perdana Menteri bertemu dengan Bush buat pertama kali selepas menjadi presiden Amerika Syarikat di Shanghai, China semasa sidang kemuncak para pemimpin Asia Pasifik pada Oktober tahun lepas, di mana mereka mengadakan rundingan dua hala.

Mengenai lawatan tiga hari beliau ke Langkawi sejak Jumaat lepas, Dr Mahathir berkata lawatan itu berjaya dari segi merapatkan hubungan dengan penduduk di pulau perangan itu.

"Selain itu saya datang kerana berbincang dengan beberapa pihak bagi menarik pelancong dari Arab Saudi untuk menggunakan kemudahan limbungan kapal layar di Langkawi," katanya.

Ditanya mengenai laporan akhbar pada Jumaat berhubung siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap penyelewengan dalam pengurusan dan pengagihan pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Perdana Menteri berkata siasatan mesti dilakukan supaya tindakan dapat diambil terhadap mereka yang terbabit.

"Kalau ada laporan kita mesti menyiasat kerana tanpa siasatan kita tak boleh buat apa-apa tindakan", katanya.

Mengenai saranan Anggota Parlimen Singapura Ong Ah Seng supaya rakyat republik itu tidak lagi membeli-belah di Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Yang tu dia cakap saja, kita tak ambil kira".

Pada lawatannya ke perkampungan kristal itu, Dr Mahathir diberi penerangan oleh Pengarah Urusan Kumpulan LangkawiiCrystaal Abdoul Rahman Abdullah mengenai cadangan syarikat itu membina sebuah masjid yang diperbuat daripada kristal.

-- BERNAMA

JM NH MZM NAK